

LAPORAN ELEKTRONIK MUDAH.MY

Komputer pertama di Malaysia diperkenalkan pada tahun 1965, apabila Lembaga Elektrik Kebangsaan Malaysia (sekarang Tenaga Nasional Berhad) memperkenalkan komputer IBM 1440 untuk memproses gaji pekerja. Komputer ini mempunyai kapasiti storan sebesar hanya lapan kilobait, iaitu anggaran 30 juta kali kurang daripada komputer riba biasa hari ini.

Pelbagai perubahan telah berlaku sejak itu. Sekarang, produktiviti kita di pejabat didorong oleh komputer yang berprestasi tinggi, manakala kehidupan sosial kita dikuasai oleh telefon pintar yang terbaharu.


Memiliki telefon pintar dan komputer terkini pula merupakan trend popular di kalangan penggemar gajet setiap tahun. Mari kita terokai trend elektronik popular di Mudah.my.



METODOLOGI

Laporan Elektronik Mudah.my adalah berdasarkan data daripada barangan yang diiklankan dalam kategori 'Electronics' dari tempoh Januari sehingga Oktober 2019. Hasil carian adalah carian tertinggi menggunakan kata kunci unik dalam tempoh itu. Segala data dalam laporan ini diperolehi daripada analisis iklan di Mudah.my, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Jenama Telefon Pintar dengan Carian Tertinggi



1. Apple

2. Samsung

3. Huawei

4. Oppo

5. Vivo

iPhone pertama diperkenalkan pada tahun 2007. 12 tahun kemudian, perintis reka bentuk ini masih kukuh di pasaran Malaysia. iPhone mendahului carian telefon di Mudah.my pada tahun 2019, mewakili satu pertiga daripada jumlah keseluruhan 77 juta carian jenama telefon. Ini mewakili sebahagian besar dari penggemar telefon pintar.


Raja Android yang tidak pernah dipertikaikan – Samsung – hanya membentuk separuh daripada bilangan carian berbanding pesaingnya iaitu iPhone. Walaupun kadar cariannya separuh daripada kadar carian iPhone, namun, jumlah cariannya menyamai jumlah carian untuk Huawei, Oppo, dan Vivo digabungkan.

Jika 77 juta carian boleh dianggap sebagai banyak, kita perlu benar-benar memahami permintaan global untuk telefon pintar. Terdapat kira-kira 5.2 bilion pengguna telefon pintar di seluruh dunia pada tahun 2019, menurut Wearesocial.¹ Angka itu adalah 67% daripada populasi global dari Toronto hingga ke Timbaktu. Di Malaysia, terdapat 42.4 juta langganan selular mudahalih dengan kadar penembusan 130.2% pada tahun 2018 sahaja, menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).²

¹ Kemp, Simon, Global Digital Report 2020 – We Are Social, 2020, <https://wearesocial.com/digital-2020> (accessed February 27, 2020)

² Malaysian Communications and Multimedia Commission, Key to Digital Transformation – Industry Performance Report 2018, 2017, <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Industry-Performance-Report-2018.pdf> (accessed February 28, 2020)

Model iPhone dengan Carian Tertinggi




Sekiranya iPhone memiliki kadar carian paling tinggi, maka iPhone 7 adalah model yang mendominasi kategori carian iPhone tertinggi. iPhone 7 dan iPhone 7 Plus menduduki dua tangga teratas untuk iPhone pada tahun 2019, dengan carian terkumpul berjumlah 2.8 juta di Mudah.my.

Ini tidak bermaksud bahawa tiada model lain yang lebih mengagumkan, dengan iPhone X yang menduduki tempat ketiga. Walaupun iPhone 11 terbaharu telah dilancarkan, iPhone X masih boleh dianggap sebagai telefon pintar yang amat mengagumkan. Sudah tentu ia tidak dapat dibandingkan dengan telefon Apple yang termahal di pasaran hari ini. iPhone termahal yang dicipta ialah "Diamond Falcon Supernova" iPhone 6 "Pink Diamond Read" yang bertatahkan batu permata, dengan harga AS\$48.5 juta.³ Malangnya, tiada di Mudah.my buat masa sekarang.

³ Sharma, Ravi, "10 absurdly expensive gadgets money can buy", Gadgetsnow.com. <https://www.gadgetsnow.com/slideshows/10-absurdly-expensive-gadgets-money-can-buy/FALCON-SuperNova-iPhone-6-Pink-Diamond-48-5-million/photolist/44311850.cms> (accessed February 27, 2020)

Model Samsung dengan Carian Tertinggi




Galaxy Note 5 menduduki tempat teratas dalam hasil carian Samsung, sebuah model popular yang dikeluarkan buat pertama kalinya di Malaysia pada tahun 2015.⁴ Apa yang menarik ialah, melalui carian telefon Samsung dan iPhone, data menunjukkan bahawa model telefon pintar yang mempunyai kadar carian paling tinggi adalah model telefon pintar yang bukan terkini.

Dengan model-model baharu seperti Galaxy Fold yang ditawarkan dengan harga⁵ RM8,000 +, anda pasti memahami mengapa model lama masih diminati.

⁴ The Borneo Post, "Samsung Galaxy Note 5 and S6 edge + available in Malaysia on September 4", TheBorneoPost.com, <https://www.theborneopost.com/2015/08/25/samsung-galaxy-note-5-and-s6-edge-available-in-malaysia-on-september-4/> (accessed February 27, 2020)

⁵ Ismail, Izwan, "Samsung Galaxy Fold is Here", New Straits Times, Newstraitstimes.com, <https://www.nst.com.my/lifestyle/bots/2019/10/527090/samsung-galaxy-fold-here> (accessed February 27, 2020)

Model Huawei dengan Carian Tertinggi



Model P10 Huawei merupakan batu lonjakan bagi jenama terkenal China ini untuk mengukuhkan kedudukan mereka di pentas global. Itu merupakan langkah penting bagi sebuah syarikat yang telah menguasai lebih daripada 40% pasaran domestik⁶ di China dengan jenama Honor pada tahun 2019.

Dikeluarkan pada tahun 2017, P10 kekal sebagai model yang mempunyai kadar carian paling tinggi di Mudah.my, menjadikannya jenama ketiga teratas.

Dengan keupayaan 40-megapixel yang dimiliki model P30 dan P30 Pro, Huawei akan kekal popular di Malaysia pada masa akan datang.

⁶ Liu, Coco, "Huawei's overseas retreat squeezes Chinese rivals", NikkeiAsianReview.com. <https://asia.nikkei.com/Business/China-tech/Huawei-s-overseas-retreat-squeezes-Chinese-rivals> (accessed February 27, 2020)

Model Oppo dengan Carian Tertinggi



Oppo merupakan satu lagi jenama dari China yang popular di Malaysia. Walaupun pasarannya agak ketinggalan berbanding dengan pesaingnya Huawei dan Vivo di China pada tahun 2019,⁷ ia kelihatan seperti sedang mengatasi Vivo di Malaysia dari segi carian di Mudah.my. Oppo A3 mempunyai kadar carian paling tinggi untuk jenama ini, satu pencapaian yang agak mengagumkan untuk model yang baru dikeluarkan pada tahun lalu.

Populariti model ini bukan bergantung sepenuhnya kepada harga mampu milik serta hayat bateri yang mengagumkan sahaja, barisan duta tempatan yang dilantik seperti Neelofa, Fattah Amin dan banyak lagi turut memainkan peranan penting.

⁷ Liu, Coco, "Huawei's overseas retreat squeezes Chinese rivals", NikkeiAsianReview.com. <https://asia.nikkei.com/Business/China-tech/Huawei-s-overseas-retreat-squeezes-Chinese-rivals> (accessed February 27, 2020)

Model Vivo dengan Carian Tertinggi



Vivo menduduki tempat ketiga dari kalangan jenama keluaran negara China. Vivo V9 secara khususnya merupakan contoh jelas bahawa model telefon pintar jenama ini masih popular di Mudah.my walaupun dikeluarkan pada tahun 2018.

Menduduki tangga teratas ialah model V9, dengan reputasi rekabentuknya yang anggun dan ringan, sambil memiliki kamera yang mudah digunakan. Ini diikuti oleh generasi baru V15 dan V15 Pro. Model-model susulan ini menawarkan rekabentuk dan harga yang lebih mewah. Kedua-dua model terbaharu ini, V15 Pro dengan tiga kamera 48-megapiksel dan V17 pula dengan empat kamera 48-megapiksel, mengatasi V9 yang hanya mempunyai kamera 16 megapiksel. Jom swafoto!

Jenama Komputer #1 dengan Carian Tertinggi


Komputer yang kita gunakan sekarang merangkumi komputer meja berkuasa tinggi hingga ke komputer riba yang anggun, yang mana sebilangan jenama besar sentiasa memperkenalkan model baharu yang lebih mengagumkan serta dilengkapi teknologi cip terkini.

Apple sekali lagi menduduki tangga teratas untuk kategori komputer di Mudah.my. Gergasi global luar biasa ini menerajui trend populariti bagi kategori komputer. Namun begitu, walaupun jenama ini menduduki tempat teratas pada hasil carian, ia tidak menyamai dominasi yang dilihat dalam telefon pintar, dan mewakili hanya 5.6% daripada jumlah carian komputer berseluruh di Mudah.my.

Trend memilih model terdahulu seperti yang dilaporkan untuk telefon pintar juga dapat dilihat untuk kategori komputer, yang mana MacBook Pro 2015 mempunyai kadar carian paling tinggi untuk komputer jenama Apple. MacBook Pro 2015 mempunyai ciri-ciri peningkatan prestasi yang lebih tinggi berbanding dengan model-model terdahulu,⁸ jadi tidak hairan lah sekiranya peranti ini menduduki tangga teratas. Walaupun harganya agak mahal, tetapi prestasinya tidak dapat dinafikan.



**Model MacBook Pro
mengungguli carta populariti
untuk Jenama Apple di
Mudah.my!**



⁸ Williams, Andrew, "MacBook Pro (2015) vs MacBook Pro (2014): Is it time to upgrade?", Trustedreviews.com. <https://www.trustedreviews.com/opinion/macbook-pro-2015-vs-2014-2924525> (accessed February 27, 2020)

Jenama Komputer #2 dengan Carian Tertinggi



HP yang boleh dipercayai, menduduki tempat kedua, diikuti oleh Dell, menunjukkan bahawa walaupun sistem operasi Apple mungkin mengatasi yang lain, masih ramai yang menggemari produk berasaskan Windows ini.

HP Pavilion menduduki tempat pertama. Model Pavilion secara umumnya merupakan pilihan yang mengagumkan dan mampu milik untuk memenuhi keperluan tugas harian anda, dan kemungkinan besar ianya lebih murah daripada MacBook Pro terbaharu. Walaupun kuasa pemprosesan pada kebanyakan model ini berada jauh di bawah model Apple terkini, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa produk mampu milik berasaskan Windows ini masih tetap menjadi trend di kalangan pengguna.

Jenama Komputer #3 dengan Carian Tertinggi



Dell Inspiration adalah model Dell yang mempunyai kadar carian paling tinggi di Mudah.my pada tahun 2019, dengan jumlah 13,663 carian. Terdapat juga 6,015 carian untuk skrin Dell di Mudah.my, menunjukkan bahawa pengiktirafan jenama ini melangkaui sekadar model komputer.



Jenama Komputer #4 dengan Carian Tertinggi

Acer Aspire mempunyai kadar carian tertinggi bagi jenama Acer pada tahun 2019.

Pasaran teknologi global mungkin menghadapi persaingan sengit dari negara China bagi kategori telefon pintar, tetapi nampaknya Amerika Syarikat masih mengungguli kategori komputer. Bagaimanapun, ini tidak bermakna mereka tiada pesaing.

Tidak jauh di belakang Dell, Acer dari Taiwan menduduki tangga keempat dan gergasi komputer negara China iaitu Lenovo, menduduki tempat yang kelima. Tahun 2019 menyaksikan tercetusnya persaingan hebat antara negara China- AS untuk kategori ini.

Jenama Komputer #5 dengan Carian Tertinggi

Untuk sebab-sebab tertentu, Lenovo gemar menamakan model-model mereka berasaskan kuasa pemikiran, dan nampaknya para pengguna Mudah.my beranggapan bahawa ThinkPad adalah model terbaik daripada kalangan produk Lenovo pada tahun 2019. Lenovo ThinkPad adalah sebuah mesin yang kukuh, mengagumkan dan popular di dalam bidang perniagaan, disebabkan reka bentuknya yang kukuh serta mempunyai hayat bateri yang panjang. Terdapat pelbagai jenis model ThinkPad untuk dipilih, daripada model paling mahal yang mampu menandingi kuasa MacBook Pro atau yang paling murah, dimana boleh menyaingi prestasi produk HP dan Dell.



Lenovo